

Oleh Nor Salwana
Mohammad Idris
bhvarsit@bh.com.my

Pekan

Pelajar sekolah, warga UMP jayakan Kempen Gaya Sihat

BERITA HARIAN (VARSITI/SUKAN) M/S16 11 FEB 2016

Lebih 500 warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama-sama pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Indera Shahbandar menjayakan aktiviti berjalan 10,000 langkah dan merentas desa bersama dengan Kempen Gaya Hidup Sihat di sini, baru-baru ini.

Program bermula dengan senamrobik sebagai aktiviti pemanasan badan sebelum peserta berjalan kaki sejauh tiga kilometer dari Pusat Aktiviti Pelajar UMP Pekan menuju ke Kompleks Pentadbiran Utama sebelum berpatah balik ke lokasi asal.

Sementara itu, 400 pelajar SMK Indera Shahbandar menyertai larian rentas desa bermula dari sekolah itu yang terletak berhampiran kampus UMP menuju ke Pusat Aktiviti Pelajar.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof Datuk Dr Yusserie Zainudin, berkata program pembudayaan gaya hidup sihat itu turut menjadikan wadah bagi mengukuhkan hubungan warga universiti dan sekolah.

Beliau berharap aktiviti riadah itu bukan sekadar acara bermusim, sebaliknya dijadikan rutin harian agar

badan sentiasa cergas sekali gus membolehkan tugas sehari-hari dilaksanakan dengan lebih bersemangat dan proaktif.

Tingkat kesedaran

"Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menjaga kesejahteraan dan kesihatan melalui amalan gaya hidup sihat seperti aktiviti berjalan kaki.

"Penganjuran program ini membabitkan beberapa jabatan seperti Jabatan Pendaftar, Pusat Sukan, Pejabat Naib Canselor dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni sejajar



Prof Yusserie (depan, kiri) menyempurnakan pelepasan peserta program.

konsep Strategi Samudera Biru yang digalakkan menerusi Pelan Strategik UMP 2016-2020," katanya ketika berucap merasmikan program itu.

Sementara itu, Guru Penolong Kanan 1 SMK Indera Shahbandar, Abd Rahman Sulong, berkata pihak sekolah berterima kasih kepada

UMP kerana menjayakan program yang mampu memberi galakan kepada pelajar untuk bersukan dan berharap akan dapat diteruskan.

Peserta ceria selepas selesai menjalani aktiviti riadah.

